



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengan UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X

Published Date : 16 November 2023

NEWS AND ARTICLES

Pelajar FPA sertai KPPA Untuk Tingkatkan Prestasi Akademik

Penulis: Nurain Johar, Ts. Mohd Hafizz Wondi dan Muhamad Syukrie Abu Talip

MUKAH: Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi telah menganjurkan Kem Pengukuhan dan Pemantapan Akademik (KPPA) 2023 bertempat di Bilik Seminar Takan, UiTM kampus Mukah dengan jayanya. Program ini adalah bertujuan untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar-pelajar di bawah Fakulti Perladangan dan Agroteknologi. Kriteria pemilihan peserta untuk program ini telah ditetapkan oleh pengurusan fakulti bagi memfokuskan pencapaian KPI Peperiksaan Universiti.

Pelaksanaan program KPPA yang dihadiri seramai 25 orang pelajar telah dijalankan selama 2 hari bermula pada 13 hingga 14 Mei 2023. Program ini telah dilengkapi dengan beberapa modul yang berteraskan motivasi pelajar, teknik-teknik pembelajaran berkesan, perkongsian daripada alumni cemerlang dan juga sesi bersama pihak kaunselor. Modul ini dipilih bagi memupuk minat dan kesedaran para peserta untuk meningkatkan motivasi diri, memahami kaedah pengurusan masa yang teratur dan pembelajaran yang lebih efektif untuk peningkatan prestasi akademik yang signifikan.

Turut hadir bersama iaitu Prof. Madya. Dr. Abdul Razak Abdul Kadir, Penolong Rektor UiTM Kampus Mukah pada hari pertama program. Beliau sempat berkongsi pengalaman beliau semasa menjadi pelajar dan memberi motivasi untuk terus berjaya kepada semua peserta. Kehadiran beliau ke program ini telah meyuntik semangat para peserta untuk lebih bersemangat dan menjadi lebih baik pada masa hadapan.

Majlis Penutupan KPPA2023 telah dirasmikan oleh Ketua Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi iaitu En. Muhamad Syukrie Hj. Abu Talip. Dalam ucapan penutupan, beliau meningkatkan para peserta untuk meningkatkan prestasi akademik serta mengambil peluang yang telah disediakan oleh UiTM untuk menjadi pelajar yang holistik iaitu bukan hanya cemerlang akademik malah perlu menyeimbangkan dengan penglibatan aktiviti kokurikulum. Sesi penyampaian sijil kepada penceramah, fasilitator dan peserta turut disampaikan pada majlis yang sama di akhir acara.

